

NO. SOALAN : 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA

TARIKH : 8 MAC 2016

RUJUKAN : 8543

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warganegara Malaysia yang ke luar negara melebihi jangka masa 1 tahun dengan pecahan mengikut kaum, negara yang dituju dan alasan yang diberikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan seramai 3,868,313 orang warganegara Malaysia yang ke luar negara melebihi jangka masa 1 tahun.

Walau bagaimanapun, Jabatan ini tidak mempunyai rekod mengikut pecahan kaum, negara yang dituju dan alasan yang diberikan.